

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- a. jumlah terkini projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang telah siap dibina; dan
- b. jumlah sasaran projek yang akan dibina pada masa akan datang.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB merupakan syarikat Menteri

Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif), tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Program RMR dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan, iaitu pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit dan ditawarkan dengan rekabentuk menarik berkonsepkan rumah berkeluasan 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi 2 bilik tidur dan 2 bilik air dan 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Pakej yang menarik ini telah menjadi sangat popular sehingga bilangan permohonan yang diterima melebihi jumlah penawaran yang disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 31,767 unit RMR berjaya disiapkan dan sebanyak 3,116 unit masih dalam pembinaan di seluruh Malaysia. Berikut adalah statistik pencapaian unit RMR yang siap dibina:

NEGERI	DALAM PEMBINAAN	RMR SIAP
TERENGGANU	579	4,290
KELANTAN	308	4,795
PAHANG	325	2,709
PERAK	359	3,304
P. PINANG	16	388
KEDAH	235	4,027
PERLIS	102	672
SELANGOR	80	1,483
N. SEMBILAN	120	2,632
MELAKA	271	1,631
JOHOR	612	4,163
WPKL	2	15
SABAH	83	740
SARAWAK	15	888
LABUAN	9	30
W.P PUTRAJAYA	0	0
JUMLAH	3,116	31,767

Berdasarkan statistik daripada tahun 2002 sehingga 2014, SPNB telah mensasarkan pembinaan sebanyak 8,000 unit RMR di seluruh negara pada tahun 2015.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN
DARIPADA IDRIS [JERANTUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang kaunselor lelaki dan seorang kaunselor perempuan di semua sekolah tanpa terikat kepada jumlah pelajar sedia ada dan meningkatkan bilangan warden asrama tanpa terikat kepada jumlah 50 orang pelajar bagi seorang warden.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan kuota Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sedia ada pada kadar 1 GBK : 500 murid pada masa ini adalah bersesuaian. Perkhidmatan kaunseling individu, kaunseling kelompok dan bimbingan dilaksana kepada semua murid tanpa mengambil kira kaum atau jantina. Perkhidmatan kaunseling adalah perkhidmatan profesional yang memberi penekanan menerima murid tanpa syarat, sama ada lelaki atau perempuan. Oleh itu sewajarnya pelaksanaan perkhidmatan kaunseling di sekolah dikendalikan secara profesional oleh GBK tanpa mengambil kira jantina.

KPM juga berpandangan bahawa norma 50 pelajar asrama untuk seorang orang warden di asrama sekolah adalah masih boleh diteruskan berdasarkan kedudukan perjawatan dan kewangan semasa.